



**SOALAN LAZIM**  
**PROGRAM UJIAN SARINGAN COVID-19**  
**FASA PEMULIHAN**

**12 NOVEMBER 2021**

**1. APAKAH OBJEKTIF PROGRAM UJIAN SARINGAN COVID-19 FASA PEMULIHAN?**

Program Ujian Saringan COVID-19 Fasa Pemulihan dilaksanakan bagi memberikan kemudahan kepada majikan untuk melaksanakan ujian saringan COVID-19 di kalangan pekerja.

**2. APAKAH KRITERIA KELAYAKAN BAGI PROGRAM INI?**

Program ini terbuka kepada semua majikan yang aktif mencarum dengan PERKESO di mana semua pekerja termasuk pekerja asing adalah layak berdasarkan semakan caruman aktif pekerja dalam Portal ASSIST PERKESO.

**3. BILAKAH TARIKH PELAKSANAAN PROGRAM INI?**

Program ini mula dilaksanakan pada 6 September 2021 dengan menawarkan COVID-19 Rapid Test Kit Antigen IVD (Test by doctors) dan pada 30 September 2021, program ini turut menawarkan COVID-19 Rapid Test Kit Antigen Self-Test (Saliva) sebagai pilihan kepada majikan.

Bermula 8 November 2021, hanya COVID-19 Rapid Test Kit Antigen Self-Test (Saliva) akan dibekalkan kepada majikan.

**4. BAGAIMANAKAH PROGRAM INI DILAKSANAKAN?**

Melalui program ini, PERKESO membekalkan kit ujian COVID-19 kepada majikan berdasarkan bilangan pekerja yang aktif mencarum dengan PERKESO. Majikan perlu mendaftar dan memohon kit ujian melalui Portal Program Saringan Prihatin (PSP) di <https://psp.perkeso.gov.my>.

PERKESO menawarkan dua jenis kit ujian iaitu COVID-19 Rapid Test Kit Antigen Self-Test (Saliva) dan COVID-19 Rapid Test Kit Antigen IVD (Test by doctors). Bermula 5 November 2021, hanya COVID-19 Rapid Test Kit Antigen Self-Test (Saliva) akan dibekalkan kepada majikan.

---

#### 4.1 COVID-19 Rapid Test Kit Antigen Self-Test (Saliva)

PERKESO membekalkan COVID-19 Rapid Test Kit Antigen Self-Test (Saliva) kepada majikan dan majikan bertanggungjawab untuk memastikan ujian saringan COVID-19 dijalankan di kalangan pekerja. Majikan juga bertanggungjawab untuk melaporkan keputusan ujian saringan COVID-19 melalui Portal PSP (<https://psp.perkeso.gov.my>).

#### 4.2 COVID-19 Rapid Test Kit Antigen IVD (Test by doctors)

PERKESO membekalkan COVID-19 Rapid Test Kit Antigen IVD (*Test by doctors*) kepada majikan dan majikan bertanggungjawab untuk menyelaraskan ujian saringan COVID-19 di mana-mana klinik yang dipilih oleh majikan. Keputusan ujian saringan akan dikeluarkan oleh klinik dan kos perkhidmatan bagi ujian saringan ini perlu ditanggung oleh majikan.

Bagi majikan yang telah menggunakan sepenuhnya kit ujian yang dibekalkan dan telah melaporkan ujian saringan COVID-19, majikan boleh membuat tempahan kali kedua untuk mendapatkan bekalan kit ujian yang seterusnya. Status penggunaan kit ujian boleh dirujuk di *dashboard* yang disediakan di dalam Portal Permohonan Kit.

Majikan hendaklah merujuk kepada **Garis Panduan Pelaksanaan Program Ujian Saringan COVID-19 Fasa Pemulihan Bagi Majikan** untuk mendapatkan maklumat lengkap berkenaan pelaksanaan program ini.

### 5. BAGAIMANA MAJIKAN BOLEH MENDAPATKAN BEKALAN KIT UJIAN INI?

Majikan boleh membuat permohonan kit ujian melalui Portal PSP (<https://psp.perkeso.gov.my>). Majikan perlu membuat pendaftaran program terlebih dahulu sebelum permohonan kit ujian boleh dibuat.

Bilangan pekerja yang layak akan ditentukan berdasarkan semakan caruman aktif pekerja dalam Portal ASSIST PERKESO. Sekiranya bilangan kit ujian yang ingin dimohon melebihi bilangan pekerja yang layak, majikan

---

hendaklah mengemaskini jumlah pekerja dan caruman di Portal ASSIST PERKESO.

Majikan juga perlu memastikan dan mengesahkan jumlah permohonan kit ujian yang dimohon adalah bertepatan dengan jumlah pekerja yang mencarum di bawah kod majikan masing-masing.

Panduan permohonan dan pembekalan kit ujian kepada majikan boleh dirujuk di Garis Panduan Majikan Bagi Pelaksanaan Program Ujian Saringan COVID-19 Fasa Pemulihan yang boleh didapati di Portal PSP (<https://psp.perkeso.gov.my/>).

#### **6. ADAKAH KIT UJIAN INI AKAN DIBEKALKAN SECARA BERTERUSAN?**

Bagi memastikan majikan dapat melaksanakan ujian saringan COVID-19 secara berterusan, PERKESO membenarkan tempahan kali kedua dibuat oleh majikan untuk mendapatkan bekalan kit ujian yang seterusnya.

Walau bagaimanapun, tempahan kali kedua ini hanya dibenarkan kepada majikan yang telah menggunakan sepenuhnya kit ujian yang dibekalkan sebelum ini. Majikan juga hendaklah melaporkan sepenuhnya keputusan ujian saringan COVID-19 yang menggunakan bekalan pertama sebelum layak membuat tempahan kali kedua.

#### **7. BAGAIMANA MAJIKAN BOLEH MEMANTAU STATUS PENGGUNAAN KIT UJIAN DI KALANGAN PEKERJA?**

Bagi tujuan pemantauan status penggunaan kit ujian, PERKESO telah membangunkan *dashboard* bagi rujukan setiap majikan. Dashboard ini boleh diakses melalui Portal Permohonan Kit (<https://www.socsoscreeningprogram.com.my/>). Majikan perlu memastikan setiap ujian saringan yang dilaksanakan telah direkod dan status penggunaan kit ujian akan dikemaskini di *dashboard*.

---

**8. SEKIRANYA MAJIKAN TELAH MEMOHON ATAU MENERIMA KIT UJIAN RTK ANTIGEN IVD (TEST BY DOCTORS) MELALUI PROGRAM INI, ADAKAH MAJIKAN DIBENARKAN UNTUK MEMOHON COVID-19 RAPID TEST KIT ANTIGEN SELF-TEST (SALIVA)?**

Bagi setiap permohonan bekalan kit ujian, majikan hanya dibenarkan untuk menghantar satu permohonan sahaja untuk satu kod majikan. Sekiranya majikan telah membuat permohonan atau menerima kit ujian COVID-19 Rapid Test Kit Antigen IVD (Test by doctors) tersebut, majikan tidak dibenarkan untuk membuat pertukaran kit ujian.

**9. ADAKAH KIT UJIAN HANYA AKAN DIBEKALKAN UNTUK PEKERJA YANG MENCARUM DENGAN PERKESO SAHAJA?**

Ya. PERKESO akan membekalkan kit ujian kepada majikan berdasarkan bilangan pekerja yang aktif mencarum dengan PERKESO di bawah kod majikan masing-masing. Bilangan pekerja yang layak akan ditentukan berdasarkan semakan caruman aktif pekerja dalam Portal ASSIST PERKESO.

Justeru, majikan bertanggungjawab untuk memastikan senarai pekerja dan caruman dalam Portal ASSIST PERKESO telah dikemaskini bagi melancarkan proses tempahan kit ujian.

**10. ADAKAH PEKERJA YANG PERNAH MENJALANI SARINGAN MELALUI PROGRAM SARINGAN COVID-19 PERKESO LAYAK UNTUK MENERIMA KIT UJIAN DI BAWAH PROGRAM INI?**

Pekerja yang pernah menjalani saringan di bawah mana-mana Program Saringan COVID-19 PERKESO seperti Program Saringan Prihatin (PSP) dan Program Saringan COVID-19 Pekerja Asing (PSPA) sebelum ini adalah masih layak untuk menerima kit ujian di bawah program ini.

---

**11. BAGAIMANAKAH PERMOHONAN BEKALAN KIT UJIAN BAGI MAJIKAN YANG MEMPUNYAI LEBIH DARIPADA SATU CAWANGAN DI BAWAH SATU KOD MAJIKAN?**

Penghantaran bekalan kit ujian boleh dibuat berdasarkan lokasi-lokasi yang ditentukan oleh majikan. Majikan perlu menentukan terlebih dahulu lokasi penghantaran serta bilangan kit yang perlu dihantar ke lokasi-lokasi yang berbeza.

**12. APAKAH TEMPOH PENGHANTARAN KIT UJIAN KEPADA MAJIKAN?**

Penghantaran kit ujian akan dibuat dalam tempoh sehingga sepuluh (10) hari daripada tarikh permohonan oleh majikan. Oleh itu, majikan hendaklah merancang ujian saringan sebelum tempahan kit ujian dibuat.

**13. APA YANG PERLU DILAKUKAN OLEH MAJIKAN SETELAH MENERIMA KIT UJIAN?**

**11.1 COVID-19 Rapid Test Kit Antigen Self-Test (Saliva)**

Majikan bertanggungjawab untuk memastikan ujian saringan COVID-19 dijalankan di kalangan pekerja. Majikan juga bertanggungjawab untuk melaporkan keputusan ujian saringan melalui Portal PSP. Tatacara pelaporan keputusan ujian saringan oleh majikan boleh dirujuk di dalam Garis Panduan Majikan Bagi Pelaksanaan Program Ujian Saringan COVID-19 Fasa Pemulihan yang boleh didapati di Portal PSP (<https://psp.perkeso.gov.my/>).

**11.2 COVID-19 Rapid Test Kit Antigen IVD (Test by doctors)**

Majikan perlu menyelaraskan ujian saringan COVID-19 bersama klinik dan hospital yang telah dipilih oleh majikan. Keputusan ujian saringan akan dikeluarkan oleh klinik atau hospital. Klinik atau hospital perlu melaporkan keputusan saringan melalui Portal SSP (<https://ssp.perkeso.gov.my/>). Kos perkhidmatan bagi ujian saringan perlu ditanggung oleh majikan.

---

**14. ADAKAH KOS UJIAN SARINGAN COVID-19 INI PERLU DITANGGUNG OLEH MAJIKAN?**

Bagi majikan yang menggunakan COVID-19 Rapid Test Kit Antigen IVD (Test by doctors), kos perkhidmatan yang dikenakan oleh klinik atau hospital perlu ditanggung oleh majikan.

**15. DI MANAKAH UJIAN SARINGAN COVID-19 BOLEH DIBUAT?**

Bagi majikan yang menerima COVID-19 Rapid Test Kit Antigen IVD (Test by doctors), ujian saringan COVID-19 boleh dilaksanakan di mana-mana klinik, hospital atau tempat kerja. Walau bagaimanapun, keputusan ujian saringan mestilah dilaporkan kepada PERKESO oleh klinik atau hospital melalui Portal SSP (<https://ssp.perkeso.gov.my>). Tatacara pelaporan keputusan ujian saringan boleh dirujuk dalam Garis Panduan Fasiliti Kesihatan Swasta Bagi Pelaksanaan Program Ujian Saringan COVID-19 Fasa Pemulihan yang boleh didapati di Portal PSP.

**16. ADAKAH PEKERJA AKAN MENDAPAT KEPUTUSAN SARINGAN SETELAH MENJALANI SARINGAN?**

Bagi majikan yang menerima COVID-19 Rapid Test Kit Antigen IVD (Test by doctors), klinik atau hospital yang menjalankan ujian saringan akan mengeluarkan keputusan saringan kepada majikan dan pekerja.

Manakala bagi majikan yang menerima COVID-19 Rapid Test Kit Antigen Self-Test (Saliva), adalah menjadi tanggungjawab majikan untuk melaporkan keputusan ujian saringan melalui Portal PSP serta kepada pekerja.

**17. ADAKAH MAJIKAN DIBENARKAN UNTUK BEROPERASI SETELAH PEKERJA MENJALANI SARINGAN?**

PERKESO hanya membekalkan kit ujian sahaja dan keputusan untuk syarikat kembali beroperasi adalah berdasarkan keputusan pihak berkuasa yang berkenaan.

---

**18. ADAKAH MAJIKAN BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS BEKALAN KIT UJIAN YANG DITERIMA?**

Ya. Majikan perlu memastikan semua kit ujian digunakan sepenuhnya. Pembekalan kit ini terhad untuk penggunaan ujian saringan COVID-19 di bawah program ini sahaja. Majikan boleh merujuk status baki penggunaan kit ujian di portal permohonan kit.

**19. ADAKAH MAJIKAN PERLU MEMULANGKAN KIT UJIAN YANG TIDAK DIGUNAKAN?**

PERKESO akan melaksanakan pemantauan penggunaan kit ujian di kalangan majikan. Majikan perlu menggunakan sepenuhnya kit ujian yang diterima.

**20. APAKAH YANG PERLU DILAKUKAN SEKIRANYA PEKERJA BELUM MENDAFTAR ATAU MENCARUM DENGAN PERKESO?**

Majikan perlu mengemaskini dan mendaftarkan pekerja sebagai pencarum PERKESO melalui Portal ASSIST PERKESO sebelum mengemukakan permohonan bekalan kit ujian kepada PERKESO. Panduan penggunaan Portal ASSIST PERKESO boleh dirujuk di [Portal ASSIST User Guide](#) .

**21. BAGAIMANAKAH PERKESO BOLEH DIHUBUNGI SEKIRANYA TERDAPAT PERTANYAAN LANJUT?**

Sebarang makluman terkini berkaitan program ini akan dikemaskini di Portal PSP di <https://psp.perkeso.gov.my>. Majikan juga boleh menghubungi PERKESO melalui talian 03-4264 5089 atau 1-300-22-8000, atau emel ke [hsp@perkeso.gov.my](mailto:hsp@perkeso.gov.my).